

**Isteri Presiden Republik Czech Lawat Pusat Permatapintar
Bernama
05 Julai, 2012**

BANGI, 5 Julai (Bernama) -- Isteri Presiden Republik Czech Livia Klausova hari ini melawat Pusat Permatapintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Ketibaan beliau dan delegasi disambut oleh Naib Canselor UKM Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, pegawai-pegawai serta pelajar pusat itu.

Dalam kunjungan kira-kira sejam, Klausova dan delegasi diberi penerangan ringkas tentang pusat tersebut oleh Pengarahnya Prof Dr Noriah Mohd Ishak.

Mereka kemudian dibawa melawat ke sekitar kompleks itu, yang menempatkan semua program Permatapintar Negara, sebelum dihiburkan dengan persembahan kebudayaan oleh pelajar pusat berkenaan.

Klausova turut menghadihkan bag-pipe, alat muzik tradisional Czech, kepada pusat itu, yang beliau harapkan menjadi simbol hubungan erat antara dua negara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678228>